



[Home](#) / [2024](#) / [August](#) / SEMEGA'24 Parlimen Tawau, Reruai UiTM Cawangan Sabah Kampus Tawau Dapat Sambutan Hangat

BERITA GRU2025

08/08/2024 / SEMA' SULAIMAN BAKRI, MUKHTAR SULAIMAN, DR. AZMINA SULAIMAN



Tawau, 21 Julai 2024 – Reruai pameran pendidikan Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah (UiTMCSH) Kampus Tawau antara yang mendapat sambutan sangat memberangsangkan sempena Program Selangkah ke Menara Gading 2024 (SEMEGA'24), anjuran Pejabat Parlimen Tawau dan Pejabat Pendidikan Daerah pada 20 – 21 Julai bertempat di Dewan Masyarakat Tawau, Sabah.

SEMEGA'24 melibatkan pameran pendidikan oleh institusi pengajian dan agensi dari seluruh Malaysia untuk memberikan peluang kepada pelajar dan ibu bapa mendapatkan pendedahan mengenai pendidikan tinggi.

Selain pameran pendidikan, pelbagai aktiviti lain turut diadakan seperti Majlis Anugerah Bestari Pelajar Cemerlang SPM dan STPM 2023 bagi Parlimen Tawau, taklimat wakil institusi dan agensi, persembahan kebudayaan pelajar sekolah serta cabutan bertuah kepada pengunjung.



UiTMCSH Kampus Tawau diketuai oleh Koordinator Kampus, Tuan Haji Mulyadi Haji Guliling bersama staf akademik dan staf pentadbiran bagi berkongsi pelbagai maklumat yang berkaitan dengan tawaran kemasukan ke UiTM.

“Semasa pameran kita telah memberi panduan, tatacara permohonan mengikut program-program yang ingin diceburi di UiTM serta penerangan tentang peluang-peluang pengajian selain kemudahan yang disediakan UiTM kepada para pelajar”, kata Koordinator Kampus.

“Kami ‘tak menang tangan’, kehadiran pengunjung kali ini lebih meriah dengan adanya pelbagai aktiviti sampingan oleh penganjur berbanding SEMEGA’23”, tambah Dr. Azmin Pullong, Pensyarah Kanan.

SEMEGA'24 Parlimen Tawau, Reruai UiTM Cawangan Sabah Kampus Tawau Dapat Sambutan Hangat – UiTM NewsHub
Program SEMEGA'24 telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen P.190 Tawau, Yang Berhormat Datuk Lo Sui Fui dengan penglibatan sejumlah 41 institusi pengajian dan agensi serta kehadiran pengunjung lebih daripada 3,000 murid dan guru.



Tags: SEMEGA'24 Parlimen Tawau, UiTM Cawangan Sabah, UiTM Cawangan Sabah Kampus Tawau, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

< Program Mau'izah Siri Julai 2024 di BPPA : Kesihatan Mental Dalam Kaedah Psikospiritual Islam

Dapur Ibuku Inisiatif Bantu Usahawan Asnaf UZSW >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

